

04/07/2001

RM155,486.30 dikumpul bina DTC

KUALA LUMPUR, Selasa - Sejumlah RM155,486.30 berjaya dikumpulkan pada pelancaran Tabung Pembinaan Semula Dewan Tunku Canselor (DTC), Universiti Malaya (UM) di sini, hari ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain, berkata tabung khas itu bukan saja bertujuan membina semula bangunan DTC malah memupuk semangat kekitaan di kalangan pelajar, pensyarah dan kakitangan universiti itu.

Pada masa yang sama, beliau meminta lebih 80,000 orang alumni UM turut menyumbang derma bagi mengisi tabung khas itu.

"Penubuhan tabung ini adalah atas rasa tanggungjawab dan daya usaha warga UM bersama-sama alumni dan sahabat UM.

"Kunci kejayaan usaha kita adalah penyatuan hati dan jiwa dan saya yakin melalui permuafakatan yang telus dan sokongan padu, Universiti Malaya dapat membina semula DTC," katanya ketika berucap pada majlis Pelancaran Tabung Membina Semula DTC di perkarangan dewan itu pagi ini.

Pada majlis pelancaran itu juga lebih 2,000 kakitangan dan pensyarah UM yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademiknya, Prof Ir Dr Mashkuri Yaacob membuat ikrar taat setia kepada kepimpinan Dr Anuar Zaini dan menggesa tidak ada unsur campur tangan orang luar dalam urusan universiti berkenaan.

Sementara itu, pada sidang akhbar, Dr Anuar Zaini berkata, DTC akan dijadikan pusat kebudayaan, ruang pameran artifak dan dewan persidangan kerana pihak UM sedang dalam perancangan membina dewan yang lebih besar.

Katanya, walaupun Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor NST dilancarkan, namun pelajar dan kakitangan UM juga mempunyai semangat sendiri melancarkan kutipan membina semula dewan.

Beliau berkata, kos pembinaan semula DTC yang akan dilengkapi dengan kemudahan moden bercirikan alat keselamatan dan pengesan kebakaran dijangka bernilai antara RM12 hingga RM13 juta.

Semalam, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed, berkata sebuah dewan yang lebih besar untuk memuatkan 6,000 orang akan dibina di UM dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8).

Orang ramai yang ingin menderma kepada Tabung Pembinaan Semula DTC boleh menghantar cek ke alamat Jabatan Perancangan Korporat Canseleri, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur atau telefon 03-79673378/3451/3479/3273/3423 dan 3575 atau Persatuan Alumni UM di talian 03-79551061.

Sementara itu, Tabung Pemulihan Dewan Tunku Canselor (DTC) Universiti Malaya (UM) anjuran akhbar New Straits Times (NST) hari ini menerima sumbangan lebih setengah juta, menjadikan jumlah kutipan mencecah lebih RM700,000 sejak ia dilancarkan 1 Julai lalu.

Sumbangan terbanyak iaitu RM500,000 diterima daripada Odasaja (M) Sdn Bhd (Odasaja), manakala Pergerakan Pemuda Umno menyumbang RM40,025.20 dan Puteri Umno (RM10,000).

Semua sumbangan diserahkan kepada wakil NST di Balai Berita dalam tiga majlis berasingan hari ini. Sumbangan itu disampaikan Pengarah Eksekutif Odasaja, Mejar (B) Ismail Ahmad kepada Pengarang Berita, Nuraina Samad.

Sumbangan Pemuda Umno pula disampaikan oleh Pengerusi Biro Pendidikannya, Dr Adham Baba kepada Penasihat Jabatan Pengarang The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP), Datuk Mazlan Nordin.

Exco Penaja Puteri Umno bagi Biro Pendidikan, Sharifah Syahirah Syed

Sheikh menyampaikan sumbangan Puteri Umno kepada wartawan NST, Alina Simon.

Pada hari pertama pelancarannya, tabung berkenaan menerima sumbangan RM115,429.47, termasuk sumbangan peribadi sebanyak RM600 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)